

# Prinsip Perlakuan Pihak Ketiga



Marcelo Coelho

<b>1. Pengenalan</b>	03
<b>2. Nilai murni dan prinsip etika kami</b>	04
<b>2.1 Nyawa Diutamakan</b>	04
2.1.1. Keselamatan dalam semua aspek	
2.1.2. Tanggungjawab terhadap kehidupan individu	
2.1.3. Kesihatan di tempat kerja	
<b>2.2 Hormati planet dan komuniti kita</b>	05
2.2.1. Menjaga alam sekitar	
2.2.2. Hubungan dengan masyarakat	
<b>2.3 Hargai individu</b>	07
2.3.1. Hormati Hak Asasi Manusia	
2.3.2. Persekitaran kerja yang terangkum	
<b>2.4 Bertindak dengan integriti</b>	09
2.4.1. Dialog yang terbuka dan telus	
2.4.2. Ketiadaan konflik kepentingan	
2.4.3. Kebertanggungjawaban data dan aset	
2.4.4. Perlindungan privasi dan data peribadi	
2.4.5. Tidak bertoleransi terhadap rasuah atau sebarang keistimewaan tidak wajar	
2.4.6. Persaingan adil	
2.4.7. Sekatan dan pengubahan wang haram	
2.4.8. Hadiah, jamuan dan hiburan	
<b>2.5. Merealisasikan pelaksanaannya</b>	13
2.5.1. Ketelusan	
<b>3. Melaporkan salah laku dan Berinteraksi dengan Vale</b>	14
<b>3.1 Saluran Aduan</b>	14
<b>3.2 Mekanisme Mendengar dan Tindak Balas</b>	14
<b>4. Glosari</b>	15

# 1.

## Pengenalan

**Matlamat Vale: Kami wujud untuk menambah baik kehidupan dan mengubah masa depan. Bersama-sama.**

Kami percaya perlombongan adalah penting untuk pembangunan dunia. Kami berkhidmat kepada masyarakat untuk menjana kemakmuran buat semua di samping menjaga planet ini. Oleh itu, kami wujud untuk menambah baik kehidupan dan mengubah masa depan. Bersama-sama.

**Nilai-nilai Vale: Nyawa Diutamakan. Hormati planet dan komuniti kita. Hargai warga kerja kita. Bertindak dengan Integriti. Merealisasikan pelaksanaannya.**

Di Vale, kami percaya bahawa kami akan mencapai Matlamat kami dengan melakukan pengendalian sejajar dengan Nilai Murni kami sentiasa meletakkan keutamaan penting pada keselamatan dan warga kerja dalam membuat keputusan. Kami komited terhadap pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar semasa membuat keputusan perniagaan dan bertindak dengan integriti.

Kami bekerjasama dengan pelbagai pembekal, pelanggan dan rakan niaga lain di seluruh dunia dan kami mencari Rakan niaga yang juga komited untuk mengendalikan perniagaan masing-masing dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika.

Prinsip Perlakuan Pihak Ketiga ini menerangkan cara kami melaksanakan Nilai Murni kami di Vale dan sejauh mana kami mengharapkan Rakan niaga kami juga mengamalkan prinsip ini dalam organisasi masing-masing. Prinsip Perlakuan Pihak Ketiga ini menggabungkan Sepuluh Prinsip Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kami meminta semua Rakan niaga memberikan sokongan kepada prinsip ini dan menggalakkan rakan niaga kami memasukkan prinsip tersebut dalam tatakelakuan masing-masing.



Francisco das Chagas Silva Souto



## 2.

# Nilai Murni Vale dan prinsip etika

## 2.1

### Nyawa Diutamakan

Vale meletakkan keutamaan penting pada warga kerja dalam membuat keputusannya dan percaya bahawa setiap individu mempunyai hak kepada persekitaran yang selamat dan sihat. Vale mengikuti Sistem Pengeluaran Vale – VPS, model pengurusan rutin bersepadu dan cekap untuk melaksanakan aktiviti kami dengan cemerlang. Penunjuk kami yang paling penting ialah kesihatan, keselamatan dan pengurusan risiko. Kami percaya bahawa jika kami beroperasi dengan cemerlang dan, oleh yang demikian, dengan selamat, kami akan mencapai matlamat pengeluaran dan kewangan kami sebagai hasil semula jadi daripada pendekatan pengurusan yang bertanggungjawab dan penuh kesedaran ini.

**Baca lebih lanjut:**

+ **Pedoman Penting**



Ricardo Teles





### 2.1.1 Keselamatan dalam semua aspek

Rakan niaga mesti mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan tempat kerja yang berkenaan, dan mana-mana peraturan dan keperluan khusus apabila bekerja di tapak Vale, menyediakan suatu persekitaran kerja yang selamat dan sihat.



### 2.1.2 Tanggungjawab terhadap kehidupan individu

Rakan niaga perlu mengakui bahawa keputusan mereka boleh memberi kesan kepada kehidupan individu. Atas sebab ini, rakan niaga perlu standard bagi memastikan disiplin operasi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti dengan cara yang beretika, bertanggungjawab dan selamat.



### 2.1.3 Kesihatan di tempat kerja

Rakan niaga perlu berusaha untuk melaksanakan amalan pasaran terbaik bagi mempromosikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat. Rakan niaga perlu terus menerima pakai dan memantau penyelesaian dan teknologi bagi mengenal pasti, menguruskan, mengurangkan serta menghapuskan pendedahan kepada risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

## 2.2

### Hormati planet dan komuniti kita

Vale komited terhadap pembangunan ekonomi, social dan alam sekitar semasa membuat keputusan perniagaan.

Kami bertanggungjawab ke atas risiko dan kesan operasi kami terhadap komuniti sambil menggalakkan suatu legasi positif di kawasan kami beroperasi, menghormati dan mengambil kira aspek social, kebudayaan, alam sekitar dan ekonominya.

### 2.2.1.

#### Menjaga alam sekitar

Rakan niaga mesti mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkenaan dan Garis Panduan HSE Vale untuk Pembekal Vale dan mana-mana peraturan dan keperluan alam sekitar khusus tapak Vale apabila bekerja di tapak Vale.

Rakan niaga perlu mempromosikan suatu kebudayaan menggunakan sumber alam semula jadi dengan cara yang bertanggungjawab dan berusaha menerima pakai langkah-langkah pengeluaran lebih bersih dan pencegahan pencemaran.

#### Baca lebih lanjut:


+ [Garis Panduan HSE untuk Pembekal Vale](#)

### 2.2.2

#### Hubungan dengan masyarakat

Rakan niaga perlu menghormati komuniti di tempat kami beroperasi, terutamanya memberikan pertimbangan terhadap keselamatan, keterangkuman dan kepelbagaian komuniti, dan ekonomi, kebudayaan. Alam sekitar, politik, dan struktur organisasi, menghargai pengetahuan dan kemahiran komuniti setempat, Orang Asli dan komuniti tradisional dan berusaha memahami dan menghormati sejarah dan hak mereka.

Rakan niaga digalakkan bertindak menurut matlamat pembangunan mampan, mengenal pasti dan menangani kesan ke atas komuniti. Rakan niaga digalakkan mengadakan sesi dialog telus dengan komuniti yang menerima kesan akibat aktiviti mereka.





## 2.3

# Hargai individu

Vale menghormati dan mempromosikan Hak Asasi Manusia. Kami sentiasa berusaha mencegah kesan dan pelanggaran yang berpotensi berlaku dan, jika perlu, kami berusaha mengurangkan dan menyelesaikannya dalam aktiviti Vale dan sepanjang rantai nilai kami. Kami ita mengikuti Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan undang-undang setiap negara di lokasi kami beroperasi di samping standard kebangsaan dan antarabangsa.


Kami menghargai kepelbagaian dan menolak apa-apa bentuk prasangka, diskriminasi dan gangguan.

Ricardo Teles

Kami berusaha memastikan bahawa setiap individu dihormati dan mempunyai peluang mengembangkan potensi mereka, tanpa mengira perbezaan budaya atau ideologi, ketidakupayaan, jantina, kaum, etnik, kewarganegaraan, asal-usul, pendirian politik, kepercayaan agama, umur, status perkahwinan, status kesatuan, kelas sosial, orientasi seksual, identiti jantina atau keadaan lain. Kami komited untuk mencipta persekitaran penuh hormat supaya warga kerja boleh berdialog dan menjadi diri mereka yang sebenar.

**Baca lebih lanjut:**

+ **Panduan Hak Asasi Manusia**





### 2.3.1

#### Hormati Hak Asasi Manusia

Vale mengharapkan Rakan Niaga boleh membiasakan diri dengan Dasar dan Panduan Hak Asasi Manusia Vale bagi membimbing perlakuan masing-masing, mengelakkan konflik dan menerima pakai standard yang selaras dengan amalan terbaik Hak Asasi Manusia antarabangsa. Sebagai contoh, larangan perhambaan moden, pemerdagangan manusia, buruh paksa, buruh kanak-kanak dan eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak. Contoh lain termasuk mempromosikan rasa hormat terhadap hak pekerja untuk membentuk atau menyertai kesatuan sekerja secara sah dan aman, serta berunding secara kolektif dan menerima upah dan manfaat yang adil dan berdaya saing, menghormati undang-undang buruh setiap negara.

Rakan niaga perlu menghormati dan mempromosikan Hak Asasi Manusia dalam rantai nilai dan di tempat kerja masing-masing, mengambil langkah yang sewajarnya untuk mencegah, mengurangkan dan jika perlu, membetulkan pelanggaran.

Rakan niaga digalakkan untuk melaporkan apa-apa situasi yang melibatkan pelanggaran Hak Asasi Manusia dalam rantai nilai kami. Kami mempunyai Saluran Saluran Aduan yang tersedia untuk mendaftar dan mengesahkan pelanggaran yang dilaporkan.

### 2.3.2.

#### Persekitaran kerja yang terangkum

Rakan niaga perlu berusaha membina persekitaran kerja yang pelbagai dan terangkum berdasarkan hubungan saling menghormati, etika dan integriti, menolak apa-apa bentuk prasangka, diskriminasi dan gangguan.



Fotógrafo: Ricardo Teles



## 2.4

### Bertindak dengan integrity

Di Vale, etika ialah keperluan harian; yang mesti kami gunakan dalam setiap keputusan. Tatakelakuan kami wujud bertujuan untuk membantu proses membuat keputusan dan membimbing kami dalam membuat keputusan terbaik dengan cara yang bertanggungjawab. Vale tidak bertoleransi terhadap sogokan dan rasuah serta tidak akan melindungi sesiapa yang terlibat dalam mana-mana aktiviti rasuah atau sogokan, sama ada pekerja atau rakan niaga. Program Etika dan Pematuhan Vale mengandungi latihan mengenai prinsip Tatakelakuan kami dan merangkumi tadbir urus, panduan dan peraturan jelas mengenai rasuah.

#### Bacalah lanjut:

+ **Tatakelakuan**

#### 2.4.1 Dialog yang terbuka dan telus

Diharapkan rakan niaga dapat melibatkan diri dalam dialog yang terbuka dan telus, terutamanya apabila berinteraksi dengan kenalan masing-masing di Vale. Kami tidak akan sesekali bertindak balas terhadap sesiapa, termasuk Rakan niaga, kerana menyatakan pendapat berbeza dan kami memberikan tumpuan pada pendedahan dan penyelesaian masalah.





## 2.4.2

### Ketiadaan konflik kepentingan

Apabila bekerja untuk atau bagi pihak Vale, perbuatan dan peninggalan rakan niaga tidak boleh sesekali mendedahkan Vale kepada liability undang-undang, kritikan awam atau sebaliknya yang boleh menjejaskan mana-mana operasi atau aktiviti, mahupun reputasi Vale. Kepentingan, aktiviti dan pengaruh luar tidak boleh sesekali diutamakan berbanding dengan kepentingan hubungan perniagaan rakan niaga dengan Vale.

Rakan niaga perlu mendedahkan kepada kenalan Vale sebarang perhubungan peribadi, seperti ahli keluarga, yang mungkin terlibat dengan pekerja Vale dalam proses belian atau jualan, atau pengurusan kontrak hubungan perniagaan masing-masing dengan Vale, (i) sebelum mengadakan rundingan, dan (ii) yang mungkin boleh timbul semasa hubungan perniagaan dengan Vale.

## 2.4.3

### Kebertanggungjawaban data dan aset

Rakan niaga mesti mengendalikan maklumat dan aset Vale yang mungkin mereka diberi akses mengikut garis panduan klasifikasi maklumat yang disediakan oleh Vale kepada rakan niaga, dengan mengekalkan kerahsiaan maklumat sulit, terhad dan penggunaan dalaman, di samping melindungi dan memelihara integrity, kerahsiaan dan ketersediaan maklumat Vale.

Rakan niaga tidak boleh menyalahgunakan maklumat atau aset Vale untuk manfaat sendiri dan mesti menghormati Dasar Pendedahan Maklumat dan Dagangan Sekuriti Vale.

#### Baca lebih lanjut:

+ **Dasar Pendedahan Maklumat dan Dagangan Sekuriti**

Fotógrafo: Francisco das Chagas Silva Souto





#### 2.4.4

### Privasi data peribadi dan perlindungan

Rakan niaga mesti sentiasa menjalankan aktiviti dengan mematuhi perundangan yang ditentukan bagi perlindungan data peribadi yang digunakan untuk aktiviti-aktiviti bagi pihak Vale dan, dalam hal ini, berusaha bertindak dan menggunakan amalan baik, prosedur, cara dan teknologi yang memastikan perlindungan data tersebut, serta berusaha mengelakkan kejadian dan pelanggaran privasi.

**Baca lebih lanjut:**

+ **Privasi di Vale**

#### 2.4.5

### Tidak bertoleransi terhadap rasuah atau apa-apa keistimewaan yang tidak wajar

Rakan niaga tidak boleh sesekali menawarkan, menjanjikan atau memberi apa-apa yang mempunyai nilai (misalnya wang, hadiah, jamuan, hiburan, derma, peluang pekerjaan, barangan atau harta benda, antara lainnya secara langsung atau tidak langsung kepada pegawai kerajaan atau mana-mana individu lain dengan mengetahui bahawa semua atau sebahagian daripada bayaran itu akan ditawarkan, diberikan atau dijanjikan untuk tujuan rasuah, bagi memperoleh keistimewaan tidak wajar atau tidak sama rata, atau yang akan merosakkan reputasi etika Vale.

Rakan niaga tidak boleh sesekali membuat apa-apa bayaran pemudah – bayaran yang dibuat sama ada untuk mempercepat atau menjamin pelaksanaan tindakan rutin pihak kerajaan oleh pegawai kerajaan – tanpa mengambil kira sama ada bayaran pemudah dibenarkan oleh undang-undang tempatan.

**Baca lebih lanjut:**

+ **Panduan memerangi rasuah untuk pembekal dan pihak ketiga yang lain**



## 2.4.6

### Persaingan adil

Rakan niaga perlu bertindak dengan integriti dan berusaha membina persekitaran perniagaan yang bebas daripada apa-apa jenis penipuan dan manipulasi, mematuhi undang-undang antitrust dan persaingan adil. Rakan niaga tidak boleh bersubahat atau bersetuju menetapkan atau mengawal harga, terma atau syarat atau cuba mempengaruhi hasil proses perolehan Vale.

## 2.4.7

### Sekatan dan perubahan wang haram

Rakan niaga perlu berusaha bertindak dengan tekun dan berhati-hati semasa menjalankan aktiviti masing-masing dengan mematuhi kawalan import dan eksport domestik dan antarabangsa, menghormati peraturan sekatan ekonomi dan dagangan, serta mematuhi undang-undang anti-pengubahan wang haram dan peraturan dan pengawalseliaan yang lain.



Fotógrafo: Vantoen Pereira Jr.

## 2.4.8

### Hadiah, Jamuan dan Hiburan

Rakan niaga tidak boleh sesekali membuat pertukaran hadiah, jamuan dan hiburan dengan pegawai kerajaan atau mana-mana individu lain bagi pihak Vale.

Rakan niaga tidak boleh sesekali menawarkan hadiah, jamuan dan hiburan kepada pekerja Vale untuk apa-apa keistimewaan tidak wajar atau mempengaruhi hubungan perniagaan dengan cara yang tidak sepatutnya.

Pertukaran wang tunai atau setara dengannya dengan pekerja Vale, seperti baucar atau kad hadiah, adalah dilarang.

# 2.5

## Merealisasikan pelaksanaannya


Vale berusaha mendapatkan hasil yang sejajar dengan Nilai Murni kami. Kami mempunyai model tadbir urus yang menguatkuasakan autonomi dengan bertanggungjawab, mencegah dan mengurangkan risiko pada semua peringkat dan asal-usul. Kami menjalankan aktiviti pemantauan berkala yang membolehkan kami menggambarkan risiko utama dan keberkesanan kawalan kritikal kami.

### 2.5.1

#### Ketelusan

Rakan kerja mesti mengekalkan lejar dan rekod kewangan perniagaan dengan tepat dan mempunyai dokumentasi bagi tujuan menunjukkan yang ia sejajar dengan Prinsip Perlakuan Pihak Ketiga ini.

Vale boleh menilai komitmen terhadap Prinsip Perlakuan Pihak Ketiga ini dengan menjalankan penilaian rutin dan/atau meminta dokumentasi sokongan. Kegagalan untuk mematuhi, atau membetulkan situasi ketidakpatuhan mungkin menjadi sebab bagi Vale menamatkan hubungan perniagaan dengan rakan niaga.





# 3.

## Melaporkan Salah Laku yang Disyaki dan Berinteraksi dengan Vale

### 3.1

#### Saluran Aduan

**Saluran Aduan Vale** tersedia untuk sesiapa sahaja – pekerja dan pihak ketiga dari luar – bertujuan melaporkan apa-apa syak wasangka tentang salah laku etika atau kegagalan menggunakan Prinsip Perlakuan Pihak Ketiga ini.

Saluran tersebut direka secara eksklusif untuk tujuan ini dan disusun untuk menjamin kerahsiaan, melindungi identity pengadu dan melindungi maklumat bagi siasatan yang adil. Saluran Aduan Vale menawarkan semua syarat agar laporan dapat disahkan secara bebas.

Vale mengendalikan dakwaan secara saksama dan berobjektif. Semua dakwaan perlu dibekalkan dengan seberapa banyak maklumat yang mungkin bagi membolehkan siasatan adil dan berkesan dijalankan. Apabila dakwaan diterima, Vale menggerakkan seluruh struktur korporat untuk menjalankan siasatan dan, jika perlu, mempertanggungjawabkan mereka yang terlibat. Walau apa pun keadaannya, tidak akan berlaku sebarang pelanggaran kerahsiaan, ugutan atau tindakan balas terhadap pengadu.

### 3.2

#### Mekanisme Mendengar dan Respons

Vale telah membangunkan Mekanisme Mendengar dan Respons, yang terdiri daripada saluran mendengar yang boleh digunakan oleh mana-mana pihak berkepentingan untuk berkomunikasi dengan syarikat. Interaksi ini memerlukan respons atau tindakan daripada syarikat.

Pada masa ini, Vale mempunyai saluran-saluran mendengar berikut dengan liputan global: Hubungi Kami, Media Sosial dan Kakitangan Hubungan Komuniti (RC) juga mempunyai saluran dengan liputan tempatan di kawasan operasi tertentu, seperti Pusat Panggilan Pembaikan dan Hello Railway.

Bagi penubuhan pakatan baharu dengan masyarakat, amat penting menyatukan strategi dialog, mengukuhkan kepentingan dalam memastikan saluran mendengar yang lebih berkesan.

#### Baca lebih lanjut:

+ **Mekanisme Mendengar dan Respons**

## 4. Glosari

### Gangguan

Siri beberapa serangan melalui kata-kata atau gerak isyarat yang biadap dan tidak sesuai, komen berniat jahat, prejudis atau penghinaan bersifat prasangka atau diskriminasi, membuli, intimidasi, khabar angin dan lawak jenaka yang teruk serta mengaibkan pekerja dan menjejaskan hubungan profesional mereka.

### Hak Asasi Manusia

Hak dan kebebasan sejagat yang ada pada semua manusia, di mana-mana di dunia, tanpa mengira usia, etnik, bangsa, jantina, kewarganegaraan, bahasa, agama, atau status lain. Semua individu layak mendapat hak ini, tanpa diskriminasi.

### Pengubahan wang haram

merujuk kepada proses yang digunakan untuk membuat penyamaran sumber wang atau aset yang diperolehi daripada aktiviti jenayah supaya ia kelihatan seperti berasal daripada sumber yang sah.

### Data Peribadi

apa-apa maklumat yang, apabila dikaitkan dengan seseorang individu, membolehkan pengenalannya, atau menjadikannya dapat dikenal pasti melalui data ini.

### Gangguan seksual

ialah ialah suatu bentuk gangguan dan merujuk kepada apa-apa yang memaksa hubungan atau perhatian seksual yang tidak diinginkan kepada seseorang. Ini terdiri daripada permintaan seksual yang tidak diinginkan, nada yang tidak sesuai, atau kata-kata yang tidak senonoh kepada seseorang yang menjanjikan anda pekerjaan, kenaikan pangkat, atau saraan atau layanan istimewa sebagai pertukaran untuk pemberian seksual. Ini juga termasuk sentuhan yang tidak wajar atau tidak diinginkan dan menyiarkan atau berkongsi imej, objek, atau bahan berunsur seksual yang tidak wajar.

### Rakan niaga

mana-mana individu, syarikat, atau entiti yang menjalankan perniagaan dengan Vale, termasuk pembekal barangan dan penyedia perkhidmatan, klien atau pelanggan produk Vale dan rakan niaga lain.

### Sekatan

merujuk kepada undang-undang dan peraturan yang melarang atau menyekat urusan perniagaan dengan negara tertentu dan warganegara negara tersebut dan/atau dengan entiti atau individu yang ditetapkan.

